

Segmen IFM lonjak keuntungan Faber

Prestasi kumpulan bagi tahun kewangan 2009 mengatasi jangkaan kebanyakan penganalisis

Analisis SAHAM

Oleh Suffian A Bakar

suffian@bharuan.com.my

SUNGGUHPUN bermula agak lemah, Faber Group Bhd mengakhiri tahun kewangan 2009 dengan agak memuaskan, sekali gus memberikannya asas kukuh untuk memasuki tahun kewangan baru 2010.

Kumpulan itu mencatatkan untung bersih RM42.569 juta bagi suku keempat berakhir 31 Disember 2009, meningkat hampir 140 peratus berbanding RM17.863 juta pada suku sama tahun sebelumnya.

Prestasi memberangsangkan itu diraih daripada pendapatan yang melonjak kepada RM303.931 juta daripada RM147.756 juta.

Pendapatan bagi keseluruhan 2009 Faber Group melonjak hampir 22 peratus kepada RM865.282 juta daripada RM661.224 juta pada 2008.

Sungguhpun sumbangan lebih rendah daripada baha-

gian hartanah, untung bersih bagi 2009, tidak termasuk perkara luar biasa, meningkat 32 peratus kepada RM82.681 juta.

Marjin keuntungan pula lebih baik sekitar 17.7 peratus.

Pemangkin kepada prestasi kewangan lebih baik daripada jangkaan kebanyakan penganalisis itu disumbangkan, terutama keuntungan dan marjin keuntungan lebih kukuh daripada segmen perniagaan pengurusan kemudahan bersepadunya (IFM).

Keuntungan segmen perniagaan itu melonjak 89 peratus kepada RM127.9 juta daripada RM67.7 juta dengan marjin sebelum cukai meningkat kepada 18.7 peratus daripada 13.3 peratus.

Segmen IFM disumbang daripada penerokaan baru di luar negara, khususnya di Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Faber Group menerusi anak syarikat diperbadankan di UAE memperoleh kontrak RM142.1 juta bagi membangunkan beberapa kemudahan infrastruktur di Abu Dhabi.

Kontrak diterima daripada Bahagian Hal Ehwal Perbandaran Abu Dhabi itu memabitkan kerja menambah baik, memaju, menaik taraf dan menyelenggara kemudahan infrastruktur dan projek di Madinat Zayet, Zone 1.

Kumpulan itu juga berjaya mendapat lanjutan kontrak penyelenggaraan rumah kos rendah di Abu Dhabi.

Di India, Faber Group membida bagi mendapatkan kontrak bernilai RM10 juta setahun bagi perkhidmatan di tujuh Hospital Fortis.

Segmen hartanah menyaksikan sedikit penyusutan, tetapi pendapatan mula diraih daripada projek Laman Rim-bunan selepas kerugian pada suku pertama 2009.

Keuntungan segmen hartanah susut 34 peratus kepada RM28.1 juta berdasarkan pendapatan RM122.5 juta.

Segmen hartanah kumpulan bakal menyaksikan beberapa pelancaran baru tahun ini memabitkan nilai pembangunan kasar (GDV) berjumlah RM495 juta.

Menurut penganalisis In-

INFO

Faber Group



siderAsia, imbalan kira-kira Faber Group kekal kukuh, dengan tunai bersihnya berjumlah RM125.1 juta setakat Disember 2009, iaitu sekitar 34.5 sen sesaham.

Pengagihan dividen akhir emasi sen itu di dicadangkan bagi 2009, naik daripada empat sen tahun sebelumnya. Ini boleh diterjemahkan kepada pendapatan kasar 3.2 peratus pada harga saham semasa.

InsiderAsia mengandai-

kan pengagihan dividen serupa bagi tahun kewangan 2010 hingga 2011, sungguhpun kumpulan itu mampu meningkatkan pembayaran dengan mengambil kira baki tunai yang meningkat.

Firma itu menjangka imbalan tunai bersih Faber Group meningkat kepada RM290 juta pada 2011.

Penganalisis mengekalkan cadangannya supaya pelabur terus membeli saham Faber

Group. Pada harga RM1.90, penilaian sahamnya tidak begitu mahal.

Sementara itu, penganalisis di Standard & Poor's turut mengekalkan cadangan supaya pelabur terus membeli saham syarikat berkenaan.

S&P menaikan harga sasaran 12 bulan kepada RM2.10 daripada RM1.60 selepas menaikan unjuran pendapatan ke atas kumpulan itu.